

# TEMA PENGHINAAN AGAMA ISLAM DI MEDIA SOSIAL: SATU TINJAUAN AWAL

## *Themes of Religious Blasphemy in Social Media: A Preliminary Study*

\*Roslizawati Mohd Ramly, Eizan Azira Mat Sharif, Marina Munira Abd Mutalib, Mohd Rosmizi  
Abd Rahman & Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Mohd Razali.

Universiti Sains Islam Malaysia  
\*roslizawati@usim.edu.my

### Abstrak

Penghinaan agama khususnya terhadap agama Islam sejak akhir-akhir ini seolah-olah menjadi satu trend di media sosial. Unit Pemantauan Isu Hina Agama, Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) melaporkan bahawa terdapat 431 aduan berkaitan penghinaan terhadap Islam di media sosial sehingga 30 Jun 2020. JAKIM turut mengenal-pasti sebanyak 83 pautan yang menghina agama Islam. Walaupun tindakan undang-undang telah diambil terhadap pesalah yang melakukan penghinaan agama sekitar tahun 2019 namun, isu ini masih sukar dibendung. Justeru, satu pendekatan yang lebih jitu dan efektif perlu dibina. Untuk tujuan itu, sebagai langkah permulaan, kajian ini cuba mengenal pasti tema-tema penghinaan agama Islam yang terdapat dalam media sosial. Metode kajian yang digunakan adalah analisis kandungan terhadap akaun sosial media Facebook dan Twitter yang telah dikenal pasti mengandungi mesej penghinaan agama Islam. Terdapat pelbagai tema yang telah ditemui menerusi kajian analisis kandungan terhadap beberapa akaun sosial media Facebook dan Twitter ini. Penghinaan-penghinaan terhadap agama Islam ini dibuat dengan mengaibkan serta mempersendakan beberapa elemen yang terdapat dalam ajaran Islam. Hasil kajian lanjut kepada tema-tema ini akan menyumbang kepada usaha mengatasi isu penghinaan agama Islam yang semakin berleluasa kesan daripada kelemahan sistem perundangan dan tiadanya modul khusus berkaitan pencegahan penghinaan Islam di Malaysia.

Kata kunci: penghinaan agama Islam, media sosial, Malaysia

### PENDAHULUAN

Penghinaan terhadap agama Islam dan juga Nabi Muhammad secara hakikatnya bukanlah perkara yang baru. Al-Quran merekodkan bahawa mesej yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW telah diperlecehkan dan dipersendakan oleh para musyrikin Makkah (al-An'am 6:10). Nabi Muhammad SAW juga telah dituduh sebagai pendusta, penyair, tukang sihir, tidak siuman dan sebagainya ( al-Anbiya', 21:5, al-Haqqah, 69: 40-42, al-Zariyat, 51: 52, al-Hijr 15: 6 dan al-Furqan, 25: 6). Manakala pada kurun ke-14, ketika Raja Bizantium berdialog dengan cendekiawan Islam, beliau telah memperlekehkan Nabi Muhammad SAW dan membuat tuduhan melulu bahawa Islam meluas melalui mata pedang (Muhammad As'ad, 2014).

Manakala dalam perkembangan semasa, masyarakat dunia telah beberapa kali dikejutkan dengan isu penghinaan terhadap agama Islam dan masyarakat Muslim sama ada melalui media cetak dan media sosial. Pada tahun 2005, penghinaan terhadap Islam dan Nabi Muhammad SAW telah dimuatkan dalam majalah *Jylland-Posten* di Denmark dan diulang tayang penerbitannya di beberapa media di Eropah <[http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle\\_east/4693292.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle_east/4693292.stm)>. Pada tahun 2012, sebuah filem parodi yang bertajuk *Innocence of Muslims* telah mencabar umat Islam seluruh dunia. Video yang berdurasi selama 20 minit ini telah dihasilkan oleh Sam Bassile, seorang warga Amerika Syarikat yang berbangsa Yahudi. Video itu telah

mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia kerana telah menghina Nabi Muhammad SAW sebagai seorang yang tidak bermoral (kasanova).<sup>1</sup>

Selanjutnya, penerbitan majalah *Charlie Hebdo* pada tahun 2015 di Perancis yang memomokkan wadah “kebebasan bersuara” telah mencetuskan kemarahan umat Islam sekali lagi. Majalah ini juga telah yang memaparkan karikatur Nabi Muhamad SAW yang berbaur kebencian dan penghinaan. Walaupun menerima tentangan umat Islam seluruh dunia, penerbitan karikatur ini akan terus diulang terbit atas pelbagai alasan untuk kebebasan bersuara dan sentimen sekularisme. <[Di Malaysia penghinaan terhadap agama Islam turut berlaku walaupun Islam diiktiraf sebagai satu-satunya agama rasmi negara atau agama bagi Persekutuan. Pengiktirafan ini telah termaktub dalam Perkara 3\(1\) Perlembagaan Persekutuan. Penghinaan terhadap agama Islam seolah-olah menjadi satu tren di media sosial sejak akhir-akhir ini. Buktinya, Unit Pemantauan Isu Hina Agama, Jabatan Agama Islam Malaysia \(JAKIM\) melaporkan bahawa terdapat 431 aduan berkaitan penghinaan terhadap Islam di media sosial sehingga 30 Jun 2020. Di samping itu, JAKIM turut mengenal-pasti sebanyak 83 pautan yang menghina agama Islam \(Mohd Ridzuan Abu Hassan, 2020\).](https://www.nytimes.com/2020/09/01/world/europe/charlie-hebdo-cartoons-trial-france.html#:~:text=Charlie%20Hebdo%20last%20published%20a%20cartoon%20of%20the,to%20publish%20other%20cartoons%20of%20Muhammad%20since%20then.>”. Kes-kes ini semua memaparkan realiti sebenar sikap sebahagian penduduk dunia terhadap Islam dan umat Islam.</p></div><div data-bbox=)

Walaupun terdapat peruntukan undang-undang seperti Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan 233 Akta Komunikasi, namun begitu isu ini amat sukar untuk dibendung. Sehingga 31 Oktober 2019, daripada 34 kes penghinaan agama yang dilaporkan hanya tiga kes sahaja yang telah disabitkan kesalahan dan hukuman. Sementara selebihnya masih dalam siasatan ataupun diklasifikasikan sebagai tiada tindakan lanjut (<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/34-kes-hina-agama-direkod-tahun-ini-221402>).

Sehingga tahun 2020, kes-kes penghinaan terhadap agama Islam masih berlaku dan telah mencetuskan kemarahan umat Islam di Malaysia. Media melaporkan pada bulan Februari seorang pemuda telah dibelasah kerana memuat naik video memijak al-menghina al-Quran di Facebook (<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/656066/suspek-pijak-al-quran%20hina-islam-direman-tiga-hari>). Jelasnya, isu agama merupakan satu isu yang boleh menjejaskan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia. Demi menjaga sensitiviti ini dan dalam usaha untuk memupuk keharmonian dalam kalangan warga Malaysia, kesemua pihak yang bertanggungjawab sewajibnya memainkan peranan yang aktif dalam membendung perkara ini.

Justeru itu, satu pendekatan yang lebih jitu dan efektif perlu dibina. Untuk tujuan itu, sebagai langkah permulaan, kajian ini akan cuba mengenal pasti tema penghinaan agama Islam di media sosial.

## KONSEP PENGHINAAN AGAMA

Menurut Kamus Bahasa Melayu, perkataan penghinaan adalah merupakan kata terbitan yang merujuk kepada perbuatan atau hal menghina (<http://prpm.dbp.gov.my/>). Manakala perkataan hina bersinonim dengan perkataan keji, tercemar, tercela, kotor dan buruk ((<http://prpm.dbp.gov.my/>). Dalam erti kata yang lain, perbuatan menghina adalah merupakan suatu perbuatan yang jelik dan negatif. Sifat menghina ini juga sebenarnya bukanlah sesuatu yang baik kerana secara fitrahnya umat manusia dijadikan dalam keadaan menyukai kebaikan dan keindahan, bukannya menyukai perkara-perkara yang jelik dan negatif.

---

<sup>1</sup> Di dalam Kamus Meriam Webster, *casanova* digambarkan sebagai lelaki yang tidak bermoral, bergaul bebas dan tidak setia (*a lover who is promiscuous and unscrupulous lover*). Ia diambil daripada nama Giacomo Casanova (1725-1798M) yang terkenal sebagai lelaki yang tidak bermoral (Andrew Milner, 2019)

Dalam Bahasa Arab penghinaan agama atau *al-istihzā' bi al-dīn* merujuk kepada perbuatan mengejek dan mencemuh agama. Menurut Ibn Manzūr lafaz *istihzā'* (kata asal *huzū'*) bermaksud *sukhriyyah* iaitu ejekan atau cemoohan (Mohamad Azri & Mohd Al Adib, 2017). Dalam Al-Quran dapat ditemui penggunaan perkataan *istihzā'* dan *sukhriyyah* untuk menjelaskan peristiwa penghinaan yang dilakukan oleh umat terdahulu kepada para Rasul. Firman Allah SWT surah al An'am :10;

وَلَقَدْ أَسْتَهْزَيْتُمْ بُرْسُلَ مِّن قَبْلِك فَحَاقَ بِالَّذِينَ سَخِرُوا مِنْهُمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Telah diperolok-olokkan beberapa orang rasul sebelum mu, lalu orang-orang yang mengejek-ejek di antara mereka ditimpakan (balasan azab) bagi apa yang mereka telah perolok-olokkan itu.”

Terdapat juga penggunaan perkataan *arādhilunā*, yang bermaksud orang-orang yang hina, yang digunakan bagi menggambarkan penghinaan kepada para pengikut Nabi *alayhi al-Salām*. Dalam Surah Hud, ayat 27, firman Allah SWT:

فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِن قَوْمِهِ مَا نَرْنِكَ إِلَّا بَشَرًا مِّثْلَنَا وَمَا نَرْنِكَ أَتْبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِادِي الرَّأْيِ وَمَا نَرْنِي لَكُمْ عَلَيْنَا مِن فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: “Kami tidak memandangkanmu (wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta.”

Dari sudut definisi perundangan, terdapat enam peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan (2010) yang berkaitan dengan hal ehwal Islam iaitu Perkara 3 (1), Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12 (4), Perkara 121 (1A) dan Perkara 160 (2). Namun begitu, tiada peruntukan dalam perlembagaan yang secara jelas membincangkan berkaitan kesalahan penghinaan terhadap agama Islam. Hanya Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan yang mungkin boleh dilihat berkaitan dengan halangan daripada sebarang perkara yang boleh menghina Islam. Melalui Perkara 11, terdapat beberapa negeri yang telah mengadakan undang-undang untuk menyekat pengembangan agama-agama lain kepada orang-orang Islam.

Undang-undang yang dirujuk bagi kes penghinaan agama adalah peruntukan yang berkait dengan Akta Penyalahgunaan Media dan juga Akta yang berkait dengan keselamatan dan kesejahteraan sosial. Jelasnya, dari aspek perundangan sivil, penghinaan agama boleh didakwa kerana ianya merupakan kesalahan yang membabitkan kepentingan awam dan keselamatan negara. Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum, agama dan budaya, wajib mempunyai peruntukan dan penguatkuasaan undang-undang yang dapat mengelakkan daripada berlakunya perselisihan dan konflik dalam kalangan rakyat Malaysia.

Jika dirujuk kepada undang-undang Syariah di Malaysia, terdapat enakmen khusus berkaitan kesalahan menghina agama Islam. Menurut kajian oleh Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017) peruntukan undang-undang Syariah tersebut adalah tidak bertentangan dengan maksud perbuatan menghina agama Islam seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Hadis. Kesalahan menghina agama Islam dalam enakmen jenayah Syariah secara umumnya dihuraikan dan diperincikan seperti berikut:

1. Menghina, mencerca, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek dan mengolok-olokkan. atau menyebabkan Islam dipandang hina sama ada secara lisan, tulisan, gambar, lukisan, perkataan yang dapat didengar dan dibaca, isyarat dan perbuatan atau menghina dengan cara apa jua pun.
2. Mempersenda, mempermain, mengajuk-ajuk, mengolok-olok, mencemuh dan merendah-rendahkan perkara berikut: amalan, upacara dan istiadat berkaitan Islam, undang-undang berkaitan Islam yang

sedang dikuatkuasakan, mazhab yang sah dan muktabar, fatwa dan para pegawai agama, guru agama dan imam yang dilantik.

3. Menghina, meniru, mempersenda, mencerca, mengajuk-ajuk, mengejek-ejek dan mengolok-olokkan al-Quran dan Hadis serta ayat-ayat berkaitan dengan agama samada melalui kata-kata, perkataan, lisan dan perbuatan atau dengan cara apa jua pun.
4. Memusnahkan, merosakkan, mencemarkan, membinasakan, meroboh, mengubah, memindahkan surau dan masjid serta apa jua kemudahan yang terdapat padanya dengan tujuan untuk menghina, merendah, mempersenda, mencela dan mengeji agama Islam atau dengan niat atau tujuan apa sekalipun.
5. Turut dianggap sebagai kesalahan menghina agama adalah dakwaan seseorang Muslim bahawa dia telah keluar dari Islam.

Media sosial secara umumnya digunakan sebagai satu platform untuk menyampaikan maklumat. Media sosial merujuk kepada perkhidmatan aplikasi ataupun mana-mana rangkaian internet yang digunakan sebagai platform untuk masyarakat awam berkomunikasi di alam maya. Antara aplikasi media sosial yang popular di Malaysia adalah *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter*. Oleh itu, istilah penghinaan agama Islam di media sosial merujuk kepada perbuatan yang bertujuan merendahkan-rendahkan, memburukkan dan menjatuhkan martabat dan kemuliaan agama Islam melalui penghantaran apa sahaja bentuk mesej di laman sosial. Jelasnya, motif penghinaan agama adalah untuk menyakitkan hati orang lain dan membuat provokasi yang boleh menggugat ketenteraman awam. Namun begitu, konsep penghinaan agama dalam kertas kerja ini tidak merangkumi dakwaan atau cubaan untuk meninggalkan agama Islam.

## **SOROTAN KAJIAN LALU**

Kajian lalu berkaitan penghinaan terhadap agama Islam di Media Sosial masih tidak banyak ditemui. Namun begitu, terdapat satu kajian awal yang ditulis oleh Muhammad Faisal Ashaari et al., (2014) berkaitan provokasi dan penghinaan secara melampau terhadap agama Islam di *Facebook* yang dilakukan oleh golongan yang diistilahkan sebagai *cyberterror* /pelampau agama. Melalui kajian kes yang dilakukan terhadap akaun *Facebook* golongan murtad di Malaysia dan Singapura, pengkaji mendapati bahawa golongan *cyberterror* tersebut menyerang aspek akidah (Allah SWT, Nabi Muhammad dan al-Quran), Syariat Islam dan juga pemikiran Islam. Islam didakwa sebagai agama yang menganjurkan keganasan, zalim serta penyebab kepada kemunduran. Di antara motif serangan adalah untuk menimbulkan salah faham, dan kekacauan serta menghina agama lain. Pengkaji seterusnya menyarankan supaya isu itu ditangani melalui proses interaksi harian dan dialog. Walau bagaimanapun pendekatan dialog dilihat masih belum mampu untuk menangani isu ini dengan berkesan.

Sementara itu usaha untuk menangani isu penghinaan terhadap agama Islam dari perspektif undang-undang dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017). Tujuan kajian adalah menjelaskan kekaburan maksud matan undang-undang Syariah yang membabitkan kesalahan menghina agama Islam. Kajian telah dilaksanakan secara komprehensif dengan membuat analisis kandungan enakmen syariah Islam seluruh negara. Walau bagaimanapun, Mohammad Azri dan Mohd Al Adib mendakwa bahawa peruntukan undang-undang Syariah sedia ada tidak menyatakan secara jelas kesalahan berkaitan penghinaan terhadap Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Justeru, peruntukan undang-undang Syariah sedia ada masih perlu dinilai dan dibuat penambahbaikan. Namun begitu, undang-undang Syariah dalam konteks Malaysia hanya terpakai kepada umat Islam sahaja dan bukan kepada semua.

Jelasnya di sini, kajian terhadap isu penghinaan agama di media sosial adalah sesuatu yang imperatif dalam usaha membanteras dan mencegah perbuatan memburuk-burukan agama Islam oleh pihak dan individu yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, masih terdapat kelompangan dalam aspek perancangan, pendidikan, dan penguatkuasaan dalam mencegah daripada berlakunya penghinaan terhadap agama Islam ini.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif. Metode kajian yang digunakan adalah mengenal- pasti tema-tema penghinaan agama di media sosial Facebook dan Twitter berdasarkan kepada laporan akhbar tempatan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian telah diambil dari beberapa keratan akhbar dalam talian bagi tujuan mengenal pasti tema penghinaan agama Islam.

Akhbar Suara Sarawak (2020, Mac 10) telah melaporkan seorang lelaki tempatan berusia 25 tahun telah ditangkap susulan bertindak mengeluarkan kenyataan menghina agama Islam dan Kristian di akaun media sosial Facebook. Selain dari itu, sasek juga telah menghina Sultan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada laman yang sama. Kes disiasat di bawah seksyen 298 Kanun Keseksaan / Seksyen 233 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1988.

Bernamea (2019, Mac 7) telah melaporkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menahan pemilik akaun media sosial Twitter berusia 43 tahun yang didakwa memuat naik komen yang tidak baik atau jelik terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad SAW. Polis juga menahan pemilik laman media sosial Facebook yang berusia 28 tahun yang didakwa melakukan kesalahan yang sama. Siasatan dilakukan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dan lain-lain serta di bawah seksyen 298A Kanun Keseksaan (atas alasan agama, menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau permusuhan, benci membenci atau niat jahat atau memudaratkan pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan). Polis juga telah menahan tiga individu kerana disyaki menghina agama Islam termasuk kes menghina Nabi Muhammad SAW dan isteri Baginda, Saidatina Aisyah. Satu lagi tangkapan telah dilakukan ke atas Pemuda Bersatu Negeri Sembilan yang memilik akaun media sosial Twitter kerana menghina Nabi Muhammad SAW dan agama Islam.

Harian Metro (2019, Ogos 12) melaporkan polis telah menahan seorang lelaki berusia 34 tahun di Kulim, Kedah berhubung dengan isu penghinaan terhadap agama Islam berkaitan sambutan Aidiladha serta ibadah korban dan solat yang dilakukan oleh umat Islam di akaun Facebook. Kes ini disiasat mengikut Seksyen 504 Kanun Keseksaan Seksyen 233 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) (2019, April 30) telah melaporkan menyoal-siasat dua individu di Semporna, Sabah dan di Kajang, Selangor yang menggunakan akaun media sosial Facebook untuk menghina Nabi Muhammad SAW dan isteri baginda, Aisyah RA serta kesucian agama Islam. Mereka memuat naik kandungan-kandungan bersifat tidak baik/jelik dan menghina dengan niat untuk mengganggu dan menyakitkan hati orang lain.

Bernamea (2020, Februari 27) telah melaporkan seorang penganggur berusia 26 tahun dari Parti Raja , Johor, telah dikenakan hukuman penjara selama tiga bulan atas kesalahan menghina Allah, Nabi Muhammad SAW dan Islam melalui Whatsapp. Sasek melakukan tindakan tersebut kerana tertekan.

Buletin (Tentera Troll Kebangsaan Malaysia (TTKM) (2019, Mac 9) telah melaporkan seorang pemilik laman media sosial Facebook telah dijatuhkan hukuman 10 tahun dan 10 bulan kerana memuat naik komen berbentuk penghinaan terhadap agama Islam dan Nabi Muhammad SAW. Beliau telah memuat naik komen bersifat sensitif dan boleh menggugat keharmonian rakyat. Pihak polis telah memfailkan pertuduhan terhadap tiga individu yang memiliki akaun media sosial Facebook dan Twitter kerana memuat naik komen berbentuk penghinaan terhadap agama Islam serta Nabi Muhammad SAW.

Utusan Borneo Online (2019 Oktober 17) telah melaporkan polis telah menahan seorang ejen pelancongan kerana disyaki menghina agama Islam di akaun media sosialnya, Twitter. Satu lagi pemilik akaun Facebook telah memuat naik gambar khinzir dengan cop halal dalam tulisan jawi telah ditahan. Terdapat juga kes pada bulan Februari 2020 di mana seorang pemuda memuat naik video memijak al-Quran di Facebook (<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/656066/suspek-pijak-al-quran%C2%A0hina-islam-direman-tiga-hari>).

Jelasnya, berdasarkan kepada laporan akhbar tersebut adalah didapati bahawa isu penghinaan terhadap agama Islam di Malaysia adalah berada pada tahap yang membimbangkan, Manakala tema utama penghinaan di media sosial yang dikenal pasti adalah penghinaan terhadap Nabi Muhammad dan agama Islam. Adalah tidak jelas apakah yang dimaksudkan dengan penghinaan agama Islam. Namun, berdasarkan kepada laporan akhbar terdapat kemungkinan bahawa penghinaan terhadap Islam berkait dengan aspek ketuhanan, kitab suci dan perayaan dalam agama Islam. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Muhammad Faisal Ashaari et al., (2014) yang mengatakan bahawa golongan pelampau agama lazimnya menjadikan Nabi Muhammad SAW dan ajaran Islam sebagai objek serangan dan hinaan.

Penemuan tema penghinaan terhadap Allah SWT yang merupakan Tuhan yang disembah bagi umat Islam dan Nabi Muhammad juga menyokong dapatan kajian oleh Mohamad Azri & Mohd Al Adib (2017) bahawa masih terdapat kelemahan dan kelompangan dalam sistem perundangan sedia ada. Natijahnya, kedua perkara yang sangat dimuliakan oleh orang Islam ini sewenang-wenangnya dihina dan dicela oleh individu yang tidak bertanggungjawab tanpa rasa takut dan bimbang akan dikenakan tindakan undang-undang.

## KESIMPULAN

Penghinaan terhadap agama Islam telah berlaku secara berleluasa di dalam masyarakat dunia hari ini termasuk negara Malaysia. Kajian awal ini telah membuktikan bahawa individu yang tidak bertanggungjawab telah menjadikan agama Islam dan Nabi Muhammad sebagai tema utama penghinaan terhadap agama Islam di media sosial. Walaupun mereka yang terlibat dengan isu penghinaan agama Islam ini adalah segelintir sahaja, tetapi apa yang lebih membimbangkan ialah isu ini jika dibiarkan akan menggugat kestabilan dan keharmonian masyarakat berbilang agama di Malaysia. Tambahan pula perundangan sedia ada masih tidak berupaya untuk mengatasi isu penghinaan agama Islam dengan lebih efisien di negara ini. Justeru, satu pelan tindakan yang lebih efektif perlu difikirkan dan dibina sebagai upaya untuk membantu pihak berwajib membanteras penghinaan agama Islam di media sosial.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

(2010). *Perlembagaan Persekutuan*.

Bernama (2019, Mar 7) *Pengguna media sosial didakwa hina nabi ditahan*. Dipetik dari <https://www.malaysiakini.com/news/466883>

Bernama (2020, February 27) *Penganggur dipenjara, hina Allah, Nabi dan Islam melalui Whatsapp*. Dipetik dari <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/dunia/penganggur-dipenjara-hina-allah-nabi-dan-islam-melalui-whatsapp/4408920.html>

Besant, Annie W. (1932) *The Life and Teachings of Muhammad*. Madras: Theosophical Publication House.

- Buletin TTKM (2019, Mar 9) *'Ayea Yea' mengaku Hina Nabi & Islam, dipenjara 10 tahun 10 bulan*. Dipetik dari <https://ttkm.com.my/2019/03/09/ayeayea-mengaku-hina-nabi-islam-dipenjara-10-tahun-10-bulan/>
- Durant, William J. & Durant, Ariel. (1967) *The Story of Civilization*. New York: Simon & Schuster.
- Hart. Michael H. (1978) *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*. New York: Hart Publishing Company.
- Martin Asser (2010) *What the Muhammad Cartoons Portray* <[http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle\\_east/4693292.stm](http://news.bbc.co.uk/2/hi/middle_east/4693292.stm)>
- Milner, Andrew (2019). *Giacomo Casanova was the Adventurer, Libertine and Child Molester*. <https://allthatsinteresting.com/giacomo-casanova>
- Mohamad Azri, & Mohd Al Adib. (2017). Analisis Matan Undang-undang Syariah Negeri Berkaitan Kesalahan Menghina Agama Islam di Malayisa. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1). <http://www.ukm.my/jcil>
- Mohd Ridzuan Abu Hassan. (2020). Jakim kenal pas 431 aduan , 83 pautan hina Islam di media sosial. *Sinar Harian*, 1–9.
- Muhammad Faisal Ashaari, Maimunah Kahal, & Anuar Puteh. (2014). Cyberterror Terhadap Islam Menerusi Group Facebook 'Murtads in Malaysia and Singapore.' dalam Anuar Puteh & Ahmad Irdha Moktar (Ed.), *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-disiplin* (pp. 1–13). Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi Selangor.
- Muhammad As'ad (2014) *Pengabdian al-Qur'an tentang Penghinaan terhadap Nabi Muhammad SAW: Suatu Kajian Tafsir Maudu'i*. Tesis Sarjana. *Fakultas Usuluddin, Filsafat & Usulussin, Universitas Islam Negeri, Alauddin Makassar*
- Naziry Harizan (2020, Mar 10) *Polis tahan lelaki hina agama di media sosial*. Dipetik dari <https://suarasarawak.my/2020/03/10/polis-tahan-lelaki-hina-agama-di-media-sosial/>
- Nor Farhani Che Ad (2019, Ogos 12) *Suspek hina Islam ditahan*. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/08/485370/suspek-hina-islam-ditahan>
- Norimitshu Onishi (2019, September 1) <https://www.nytimes.com/2020/09/01/world/europe/charlie-hebdo-cartoons-trial-france.html#:~:text=Charlie%20Hebdo%20last%20published%20a%20cartoon%20of%20the,to%20publish%20other%20cartoons%20of%20Muhammad%20since%20then>.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) (2019, April 30) *Hina Islam, Nabi Muhammad SAW Dan Isteri: Dua Individu Disoal-Siasat*. Dipetik dari <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/hina-islam-nabi-muhammad-saw-dan-isteri-dua-indivi>
- Utusan Borneo Online (2019 October 17) *Hina agama: Ejen Pelancongan ditahan*. Dipetik dari <https://www.utusanborneo.com.my/2019/10/17/hina-agama-ejen-pelancongan-ditahan>